

SEMAKAN DERAJAT GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN

INISIATIF PENAMBAHBAIKAN KETELUSAN PELESENAN

PIHAK BERKUASA MELESEN: **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**

NAMA GARIS PANDUAN: **GPL (PELABELAN, PENGREDAN DAN PEMBUNGKUSAN)**

NAMA PELESENAN:

NO	PERKARA	MAKLUMBALAS
1.	PERATURAN GPL	Semakan mendapati peraturan GPL (Peraturan 3P) bukanlah lesen/permit yang perlu dipohon oleh pihak pemborong, peruncit, pengeksport dan pengimport produk pertanian. Ia merupakan peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak pengusaha supaya hasil keluaran pertanian mereka dapat terus berdaya saing dipasaran sedia ada ataupun meluaskan akses di dalam dan luar negara.
		Peraturan ini membantu pihak yang berkepentingan memastikan hasil pertanian mereka dikendalikan dengan cara yang terbaik. Kualiti hasil pertanian tersebut di gred mengikut Malaysia Standard (MS). Kaedah pembungkusan yang digunakan pula memastikan hasil keluaran pertanian berada dalam keadaan baik. Selain itu, peraturan GPL ini juga menyatakan kriteria dan tatacara perlabelan yang perlu di ikuti oleh pihak pemborong, peruncit, pengeksport dan pengimport produk pertanian.

Catatan tambahan (jika ada) ;

Pihak konsultan berpendapat GPL (Peraturan 3P) bukanlah garis panduan perlesenan. Peraturan sedia ada sudah mencukupi dan difahami oleh pihak industri.

Semakan oleh; MANZALINA BT SULAIMAN

Tarikh; 12/12/2020

Adalah diperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dipesan telah dilaksanakan dengan sempurna



Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)